


Headline	Gelang berkod bar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	19	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm ²
Journalist	Nazarali Saeril	AdValue	RM 11,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,918



Nazarali Saeril
melaporkan dari Arab Saudi



HARIAN METRO

Gelang berkod bar

■ Antara kemudahan disedia untuk jemaah haji Asia Tenggara

Makkah

Jemaah haji Asia Tenggara termasuk Malaysia akan dibekalkan dengan gelang tangan dilengkapi kod bar bagi memudahkan pencetakan jika berlaku sesuatu terhadap mereka.

Ketua Muasalah (Penge-

lola) Haji Asia Tenggara Sheikh Amin Indagiri berkata, gelang berkenaan akan dibekalkan kepada setiap jemaah haji dari rantau berkenaan.

"Selain gelang berkenaan, jumlah kamera litar tertutup (CCTV) akan ditambah dan dipertingkat di seluruh kawasan tumpuan jemaah haji Asia Tenggara.

"Bagi penambahbaikan pula, pihak muassasah akan menambah dua ambulans khas untuk

jemaah haji Asia Tenggara. Kami juga menyediakan 15 kenderaan bagi memudahkan petugas muassasah membantu jemaah haji yang sesat atau tersasar" katanya.

Menurut Sheikh Amin, semua perkara itu dilaksanakan hasil pengalaman mengendalikan jemaah haji 2015 dan dibuat melalui perbincangan dengan Tabung Haji (TH).

Berkaitan dengan perjalanan jemaah haji, pihak muassasah kali ini akan memastikan jadual perjalanan jemaah haji di Arafah, Mudzalifah dan Mina terkawal.

Maksudnya, tidak akan ada jemaah haji yang terlewat apabila bergerak dari Mudzalifah ke Mina. Selepas jam 12.30 tengah malam, semua sudah bersedia untuk bergerak ke Mina.

"Kami akan layan jemaah haji Asia Tenggara seperti

keluarga kerana dalam kawangan kami, ada yang berbasal dari rantau berkenaan selain ia penting untuk siliturahim.

"Kami juga amat memuaskan jemaah haji Malaysia dan pengurusan TH. Banyak yang kami belajar daripada TH dan hubungan ini menjadi sangat akrab apabila kami melakukan perbincangan berkaitan pengurusan jemaah saban tahun," katanya.

Menurut beliau, pihak muassasah juga berharap TH boleh menjadi contoh kepada negara lain seperti dalam peraturan dan disiplin juga persediaan jemaah sebelum menunaikan ibadat haji.

Katanya, apa yang dilakukan oleh TH seperti kursus haji yang dianjurkan sangat membantu perjalanan dan pemahaman jemaah dalam melaksanakan ibadat haji.



CCTV akan ditambah di kawasan tumpuan jemaah haji Asia Tenggara
Sheikh Amin Indagiri